



GERAN PEMBANGUNAN PRODUK PENYELIDIKAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1. Geran ini ditawarkan kepada penyelidik UPM (staf akademik dan bukan akademik) untuk menambahbaik dan memajukan hasil penyelidikan ke arah pra-pengkomersilan, supaya ia dapat bergerak dengan lebih dinamik, bagi menarik pihak industri, rakan kongsi atau pelabur.
2. Geran ini akan membantu penyelidik mengenalpasti kehendak pasaran dan mengurangkan risiko pelabur dalam membiayai projek/teknologi berisiko tinggi ke arah pengkomersilan. Ia akan digunakan bagi melonjakkan sesuatu teknologi atau perkhidmatan yang tertentu ke arah pengkomersilan.
3. Kelayakan permohonan adalah bagi teknologi pada tahap kesediaan 5 (TRL5) yang perlu dinaik taraf sehingga tahap kesediaan 9 (TRL9). Rujukan tahap kesediaan teknologi adalah seperti berikut;

Tahap Kesediaan Teknologi (TRL)

1 - Basic principles observed

2 - Technology concept formulated

3 - Final assessment feasibility concept and technologies

4 - Validation integrated prototype in lab environment

5 - Testing prototype in user environment

6- Pre-production product

7 - Low scale pilot production demonstrated

8 - Manufacturing fully tested, validated and qualified

9 - Production and product fully operational

4. Syarat kelayakan permohonan Geran Pembangunan Produk Penyelidikan adalah seperti berikut ;
 - a. Teknologi telah mempunyai perlindungan harta intelek;
 - b. Tahap Kesediaan Teknologi pada tahap TRL 5 atau TRL 6;
 - c. Mempunyai sasaran pasaran yang telah dikenalpasti;
 - d. Berpotensi tinggi untuk dikomersialkan;
 - e. Mempunyai rakan industri yang berhasrat untuk mengkomersilkan produk inovasi yang dibangunkan – *sila sertakan surat hasrat (LoI) daripada syarikat.*
5. Tempoh pelaksanaan projek maksima adalah sehingga 2 tahun.
6. Siling peruntukan bagi Geran Pembangunan Produk Penyelidikan adalah tidak melebihi **RM150,000.00 setiap projek**;
 - a. Peruntukan di bawah vote 9001110 hanya dibenarkan berdasarkan garis panduan Pengurusan Kewangan Aktiviti Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Bursar UPM untuk segala urusan kewangan yang berkaitan dengan peruntukan yang diluluskan dan syarat lain yang dinyatakan.

7. Pembiayaan yang tidak dibenarkan adalah:
 - a. pembiayaan pameran, persidangan atau penerbitan;
 - b. perjalanan ke luar negara;
 - c. pembelian atau penyewaan aset dan alat elektronik yang tidak berkaitan dengan projek;
 - d. pembayaran bil utiliti;
 - e. pembelian atau penyewaan bahan rujukan.
8. Geran ini tidak boleh dianggap sebagai pelaburan atau ekuiti kepada penyelidik, yang membenarkan *exit opportunity*, dan ia tidak boleh digunakan untuk membayar *bridging finance* yang telah diterima dari sumber lain.
9. Tatacara permohonan dan penilaian adalah seperti berikut;
 - a. Pemohon perlu mengemukakan borang permohonan yang lengkap berserta dokumen sokongan kepada urusetia Pejabat Pengarah, Putra Science Park.
 - b. Pemohon perlu membuat pembentangan kepada panel penilai Geran Pembangunan Produk Penyelidikan (mengikut masa yang akan ditetapkan).
10. Bagi projek yang berjaya, pemantauan projek perlu dilaporkan secara bertulis setiap 6 bulan dan kemajuan projek perlu dibentangkan kepada Putra Science Park, setiap 3 bulan.
11. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan geran ini berkenaan aspek komersil perlulah merujuk terus kepada pegawai bertanggungjawab di Putra Science Park UPM seperti berikut:

Sekretariat :

Nurul Hidayah Safawani Ab Rahman
Urusetia, Geran Pembangunan Produk Penyelidikan
Seksyen InnoHub dan Next2U
Bahagian Promosi Dan Pengkomersilan Inovasi
Putra Science Park
Universiti Putra Malaysia
Emel : safawani.rahman@upm.edu.my

Asrizam Esam
Seksyen Promosi dan Pemasaran Inovasi
Bahagian Promosi Dan Pengkomersilan Inovasi
Putra Science Park
Tel: 603-9769 1849
Emel : asrizam@upm.edu.my